

DIQUAS[®]-S OPHTHALMIC SOLUTION 3%

Diquafosol sodium (30mg/mL)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Diquas-S
2. Bagaimana Diquas-S berfungsi
3. Sebelum menggunakan Diquas-S
4. Cara menggunakan Diquas-S
5. Semasa menggunakan Diquas-S
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Diquas-S
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Diquas-S

Ubat ini harus digunakan untuk pesakit yang mengalami mata kering berkaitan dengan masalah keratoconjunctival yang mempunyai bendalir lacrimal tidak normal.

Bagaimana Diquas-S berfungsi

Ubat ini memperbaiki gangguan keratoconjunctivitis epithelium dengan menggalakkan rembesan mucin dan air sebagai komponen air mata, dengan itu memperbaiki keadaan filem air mata.

Sebelum menggunakan Diquas-S

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan menggunakan Diquas-S jika anda alah kepada mana-mana bahan dalam produk ini.

- Sebelum menggunakan Diquas-S

Sebelum menggunakan ubat ini, pastikan anda beritahu doktor atau ahli farmasi anda:

- Jika anda pernah mengalami sebarang reaksi alergi (gatal, ruam dan lain-lain) kepada sebarang ubat.
- Jika anda hamil atau menyusukan anak.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Jika anda mengambil sebarang ubat lain, beberapa jenis ubat boleh berinteraksi dengan ubat ini untuk meningkatkan atau mengurangkan kesannya. Berhati-hati dengan ubat *over-the-counter*, suplement diet dan ubat preskripsi lain.

Cara menggunakan Diquas-S

- Berapa banyak harus digunakan

Secara umumnya, titiskan satu titik pada satu masa, 6 kali sehari. Ikut arahan ini dengan tegas.

- Bila perlu digunakan.

6 kali sehari.

- Berapa lama perlu digunakan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali doktor anda arahkan anda untuk berbuat demikian.

- Jika terlupa menggunakan

Jika anda tertinggal satu dos, titiskan dos yang tertinggal dengan secepat mungkin. Jika ia hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan teruskan dos anda seperti biasa. Anda tidak harus gandakan dos anda pada satu masa.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda terpakai dos yang berlebihan, bincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Semasa menggunakan Diquas-S

- Perkara yang perlu dilakukan

- Simpan risalah ini. Anda mungkin perlu membacanya lagi.
- Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan lanjut, tanya doktor atau ahli farmasi anda.
- Jika anda mempunyai apa-apa kesan sampingan, bincang dengan doktor atau ahli farmasi. Ini termasuklah apa-apa kesan sampingan yang mungkin tidak disenaraikan dalam risalah ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Ubat ini ditetapkan untuk anda sahaja. Jangan memindahkannya kepada orang lain. Ia boleh membahayakan mereka walaupun tanda-tanda penyakit mereka adalah sama seperti anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati dan jangan menyentuh hujung botol dengan mata secara langsung untuk mengelakkan pencemaran produk.

Apabila lebih daripada satu jenis ubat titis mata digunakan, sekurang-kurangnya 5 minit selang masa perlu diambil.

Buang titisan pertama 1-2 tanpa menggunakannya, untuk mengelakkan bahan asing dari pembukaan bekas. Selepas dibuka, gunakan sekali sahaja dan buang baki ubat dan bekas.

Kesan-kesan sampingan

Kesan sampingan yang paling biasa dilaporkan adalah mata rasa pedih, lendir mata, mata merah, sakit mata, mata gatal, sensasi bahan asing dalam mata, rasa tidak selesa pada mata, *lacrimation* dan *blepharitis* (hakisan keropok mata). Jika mana-mana kesan sampingan ini berlaku, rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

Tanda-tanda di atas tidak menerangkan semua kesan sampingan ubat ini. Bincang dengan doktor atau ahli farmasi anda jika anda perasan apa-apa tanda yang membimbangkan selain daripada tanda-tanda yang disenaraikan di atas.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Pengguna → Pelaporan Kesan Sampingan Ubat (ConSERF) atau vaksin (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan Diquas-S

- Penyimpanan

Simpan di bawah 30°C.

Jauhkan ubat daripada jangkauan kanak-kanak.

- Pelupusan

Jangan gunakan ubat ini selepas tarikh luput yang dinyatakan pada bungkus luar.

Jangan buang apa-apa ubat-ubatan melalui air sisa atau buangan isi rumah. Tanya ahli farmasi bagaimana untuk membuang ubat-ubatan yang anda tidak lagi digunakan. Langkah-langkah ini akan membantu melindungi alam sekitar.

DIQUAS[®]-S OPHTHALMIC SOLUTION 3%

Diquafosol sodium (30mg/mL)

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Diquas-S merupakan cecair mata yang jelas, tidak berwarna dan steril.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Setiap mL mengandungi 30mg diquafosol sodium.

- Bahan tidak aktif

Potassium chloride, sodium chloride, dibasic sodium phosphate hydrate, disodium edetate hydrate and pH adjuster (sodium hydroxide and hydrochloric acid)

- Nombor MAL

Pengilang

Huons Co., Ltd.

100 Bio valley-ro, Jecheon-si,
Chungcheongbuk-do,
Republic of Korea.

Pemegang Pendaftaran Produk

Santen Pharma Malaysia Sdn. Bhd.

(1117719-T)

Unit #23A-10, Q Sentral,
No. 2A, Jalan Stesen Sentral 2,
Kuala Lumpur Sentral,
50470 Kuala Lumpur, Malaysia.

Nombor Siri:

NPRA (R2) 20/004

Tarikh kemaskini RiMUP

Ogos 2020